

16 MAR 1999

MSC-MDC

MSC BERJALAN LANCAR, KATA Pengerusi MDC

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) berjalan lancar dan malahan sedang memperolehi momentumnya, kata pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, di sini, hari.

"Sehingga 12 Mac, 203 syarikat telah diluluskan dengan status MSC di mana 29 daripadanya adalah syarikat bertaraf dunia," katanya bagi menyangkal satu artikel negatif yang bertajuk "Mahathir Hi-Tech Folly" yang bakal disiarkan dalam Business Week keluaran 22 Mac ini. Artikel itu boleh diakses menerusi internet.

Dr Othman berkata MDC "berpuas hati dengan kemajuan yang dibuat setakat ini" dan perbadanan itu merancang untuk menarik 50 syarikat bertaraf dunia ke dalam MSC menjelang tahun 2003.

"Kita mempunyai tempoh tiga tahun lagi tetapi kita telahpun berjaya menarik lebih separuh daripada syarikat-syarikat bertaraf dunia itu," tambahnya.

Beliau mendedahkan bahawa MDC ketika ini sedang menilai sembilan syarikat bertaraf dunia yang mahu menjadi sebahagian daripada MSC.

Beliau berkata 139 syarikat yang diberikan status MSC sudahpun beroperasi dengan unjuran pelaburan bernilai RM1.193 bilion tahun ini.

Daripada jumlah itu, 40 syarikat beroperasi dalam kawasan MSC manakala 99 syarikat lain telah memberikan jaminan mereka akan memindahkan operasi mereka ke kawasan MSC itu dalam tahun ini juga, katanya.

Syarikat-syarikat tersebut diunjurkan meraih kombinasi pendapatan kira-kira RM4.002 bilion dan keuntungan kira-kira RM600 juta tahun ini, tambah Dr Othman.

Mengenai kadar permohonan daripada syarikat-syarikat yang memohon status MSC, beliau berkata "tiada rahsia" daripada segi permohonan, sambil menambah sehingga 12 Mac, MDC telah menerima sejumlah 275 permohonan.

Syarikat-syarikat itu juga mengunjurkan untuk mengambil 9,168 pekerja tempatan tahun ini.

Mengenai kemajuan Cyberjaya, Dr Othman berkata pembukaannya akan dibuat pada Julai, enam bulan ke hadapan daripada tarikh yang disasarkan.

Berhubung artikel yang "lari daripada konteks" mengenai projek MSC dalam keluaran Business Week yang akan datang, Dr Othman berkata tiada sebarang tindakan undang-undang akan diambil.

Apabila ditanya sama ada terdapat sebarang kerugian ketara akibat daripada artikel itu, Dr Othman menjawab sambil berjenaka: "Sayalah yang kena."

"Saya sangat kagum dengan MSC dan saya merasakan tidak adil bagi artikel itu memberikan gambaran negatif seperti itu," katanya.

Sentimen yang "lari daripada konteks" itu juga sering disuarakan oleh beberapa ketua Teknologi Maklumat (IT) yang berjaya memperolehi status MSC bagi syarikat masing-masing.

Antara syarikat-syarikat utama itu adalah Microsoft, Sun Microsystems dan BizTone yang berikrar memberikan komitmen penuh kepada MSC.

-- BERNAMA

LES ZK MA